

# Pelajar mesti pertahan warisan kemerdekaan

## Pendidik diharap laksana tanggungjawab sampai ilmu lebih berkesan

Oleh Syuhada Choo Abdullah

**G**ENERASI hari ini mesti mempertahankan warisan kemerdekaan negara walaupun terpaksa berkorban jiwa dan sehingga ke titisan darah terakhir, titah Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Seri Paduka bertitah, perlu disadari bahawa nikmat kemerdekaan negara yang disambut kali ke-49 tahun ini, adalah hasil perjuangan generasi terdahulu.

"Justeru, besarlah harapan beta agar kemerdekaan dimiliki ini dihayati dan diisi dengan semangat patriotisme jitu dalam jiwa warga pendidik dan pelajar sekalian.

"Beta berharap warga pendidik dapat, melaksanakan tanggungjawab serta amanah dalam menyampaikan,

pelbagai ilmu dan pengetahuan.

"Oleh itu, segala prasarana serta kemudahan proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah digunakan dengan cecap dan juga berkesan oleh guru dalam mencerna ilmu dan pengetahuan kepada anak didik.

"Beta percaya usaha ini mampu melahirkan generasi penerus yang berilmu, bijak, kritis dan rasional dalam mempertahankan Malaysia daripada pelbagai cabaran mendatang," titah baginda dalam perutusan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-49 yang dibacakan pada perhimpunan khas sekolah seluruh negara, hari ini.

Seterusnya, baginda menyeru pelajar agar menghayati serta menimba sebanyak murtgkin ilmu daripada guru bagi memantapkan minda dan pengetahuan untuk membawa Malaysia mencapai Wawasan 2020.

Dalam konteks ini, baginda bertitah, pengorbanan dan kesedaran perlu ada dalam jiwa pelajar demi kelangsungan agama, bangsa dan juga negara.

Seri Paduka bertitah, tanggungjawab guru dan pelajar adalah gabungan usaha melahirkan modal insan berkualiti serta produktif bagi menjamin kesejahteraan dan juga meningkatkan daya saing negara pada peringkat global.

"Oleh itu, beta berasa amat gembira dengan pelancaran Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang memberi tumpuan terhadap usaha membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia.

"Agenda ini dapat memperkasakan sistem pendidikan negara dan juga akan melahirkan modal insan yang sesuai, menepati kehendak serta cabaran semasa.

"Pada masa sama dalam mengejar kecemerlangan akademik, pendidik dan pelajar harus kembali berpegang teguh kepada prinsip Rukun Negara yang selama ini terbukti menjamin keharmonian, kesejahteraan dan juga kemakmuran negara.

"Sejak sekian lama, prinsip ini dihayati dengan baik dan menjadi pegangan rakyat berbilang keturunan, kaum serta agama untuk hidup dalam rukun dan damai," titah baginda.

Sehubungan itu dalam mengejar kecemerlangan akademik, Yang di-Pertuan Agong bertitah, aspek budi bahasa dan nilai murni mesti diserapkan ketika proses mendidik pelajar.

Baginda bertitah, gabungan kecemerlangan akademik serta budi bahasa dapat melahirkan rakyat yang memiliki integriti mantap, sekali gus

berpegang teguh kepada agama, bekerja kuat, bertanggungjawab dan berdaya saing.

"Sepanjang 49 tahun merdeka, kita berusaha gigih meningkatkan kemajuan pendidikan dan ilmu pengetahuan kepada rakyat. Kerajaan tanpa ragu-ragu memperuntukkan dana besar untuk agenda pendidikan negara.

"Beta mahu kecemerlangan pendidikan dapat melahirkan generasi yang mampu memartabatkan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang setanding negara maju lain.

"Beta berharap suara dan penyeritaan kita di pentas dunia dipandang tinggi, malah kita dapat 'duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi' dengan negara maju lain. Semua ini dapat dilakukan jika guru dan pelajar menghayati erti kemerdekaan negara," titah baginda.